

Buletin FKA

PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

EDISI 2022



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

Diterbitkan pada 15 Oktober 2023

Sambutan Aidilfitri 2022 Pelajar Bersama Penasihat Akademik

Oleh Amalina Amirah binti Abu Bakar dan Khairul Ammar bin Muhammad Ali

Prai, 13 Mei 2022 - Satu jamuan raya telah diadakan di rumah penasihat akademik bagi merayakan para pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (EC221). Program ini merupakan program bersama yang di anjurkan di antara para pelajar di bawah kelolaan beberapa pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam. Ianya diadakan setelah sekian lama pensyarah dan para pelajar tidak bertemu secara fizikal akibat pandemik COVID-19. Tujuan utama diadakan program ini sebagai usaha untuk merapatkan ukhuwah dan persaudaraan di antara para pelajar dan juga para pensyarah. Di samping itu, sesi perkongsian dan motivasi dijalankan bagi memberikan semangat kepada para pelajar supaya belajar bersungguh-sungguh bagi menyempurnakan semester pengajian yang sedang berlangsung. Pelajar-pelajar juga dijamu dengan

pelbagai juadah makanan sempena perayaan Aidilfitri 2022. Jelas terpancar di wajah mereka akan keseronokkan dalam menikmati hidangan yang disediakan. Pertemuan kali ini menjadi sejarah kerana ianya dilakukan di rumah pensyarah bagi merasai suasana rumah terbuka yang sebenar berbanding pertemuan-pertemuan sebelum ini yang dilakukan di kampus. Semoga program seperti ini dapat dijalankan lagi pada tahun-tahun akan datang bagi memastikan hubungan di antara para pelajar dan pensyarah sentiasa harmoni dan dilimpahi kasih sayang.



Gambarajah: Para pelajar dan pensyarah yang meraikan rumah terbuka sempena Aidilfitri 2022